



Ruj Kami : ANM(UKPP)MEL/12 Jld.6(06)
Tarikh : 15 Julai 2026
Bersamaan : 29 Muharam 1448H

Ketua Pusat Tanggungjawab/ Pusat Pembayar

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**ARAHAN KERJA BIL.65/2026/O : ARAHAN POTONGAN SARAAN PEKERJA (CP38) -
PENGELUARAN SECARA KELOMPOK BAGI MAJIKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
BERMULA GAJI BULAN OGOS 2026 (BAGI KES TUNGGAKAN CUKAI)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah mengeluarkan **Arahan Potongan Saraan Pekerja (CP38) secara kelompok bagi fasa 1 bertarih 04 Jun 2026** untuk potongan bermula gaji bulan **Ogos 2026 hingga Julai 2027**. Arahan pemotongan akan dikeluarkan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) secara pos. Pembayar cukai/pekerja juga akan dimaklumkan melalui pos dan emel (bagi yang mendaftar emel dengan LHDNM). Selain itu, semakan turut boleh dilakukan dalam MyTax melalui URL (<https://mytax.hasil.gov.my>).

3. Bilangan ansuran yang diberikan tertakluk kepada jumlah tunggakan cukai pekerja seperti berikut:

Bil.	Jumlah Tunggakan Cukai	Bilangan Ansuran
i.	RM10.00 – RM100.99	Satu (01) bulan
ii.	RM101.00 – RM1,000.99	Tiga (03) bulan
iii.	RM1,001.00 – RM10,000.99	Enam (06) bulan
iv.	RM10,001.00 – RM20,000.99	Sepuluh (10) bulan
v.	RM20,001.00 – RM100,000.00	Dua Belas (12) bulan

4. Sehubungan itu, jabatan ini akan memanjangkan emel kepada PTJ/PC yang berkaitan untuk melaksanakan tindakan kunci masuk Potongan CP38 mulai gaji bulan Ogos 2026 berdasarkan data yang dilampirkan. Bagi ansuran CP38 yang menyebabkan gaji **sifar/ negatif**, PTJ/PC dibenarkan atau diberikan pertimbangan untuk tidak melaksanakan potongan tersebut. Walau bagaimanapun, PTJ/PC diminta untuk mengemukakan kepada pihak LHDN nama pegawai yang tidak dilaksanakan potongan untuk tindakan lanjut pihak LHDN dan sertakan sesalinan pemakluman tersebut ke jabatan ini. PTJ/PC juga diminta untuk mengemaskini status Potongan CP38 di pautan <https://tinyurl.com/Status-CP38> . Sekiranya pegawai berkenaan telah membuat bayaran terus ke LHDN (tidak melalui potongan gaji), sila nyatakan nombor resit pada pautan tersebut.

5. Bersama-sama ini dilampirkan **Ringkasan Bagi Manual Pengguna HCM1002 – Pengenalan Kepada Skrin Data Induk Pegawai** sebagai rujukan bersama. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan potongan, PTJ/PC boleh berhubung secara terus dengan pihak LHDN.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"

"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



(YONG KOK SIA FCCA,ACMA, CGMA,C.A.(M))

b.p.Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka